

Bil. 7

Rabu
12 September 2018



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM 19.4 Billion

- **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF):-**
 - Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri Bin Mohd Zahir, Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

- **Jabatan Kastam Diraja Malaysia:-**
 - Yang Berbahagia Dato' Sri Subromaniam Tholasy, Ketua Pengarah Kastam.

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 12 SEPTEMBER 2018**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]	- <i>Pengerusi</i>
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]	- <i>Timbalan Pengerusi</i>
YB. Tuan Wong Chen [Subang]	
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]	
YB. Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]	
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]	
YB. Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]	
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]	
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]	
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]	
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]	
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]	
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah	- <i>Setiausaha</i>

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]

YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Mazidah binti Mohamed [Ketua Penolong Setiausaha]
Cik Siti Hajar binti Mohd Taib [Jurubahasa Serentak]

samb/-

HADIR BERSAMA**Jabatan Audit Negara**

YBhg. Dato' Haji Che Isa bin Che Kob [Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)]
Cik Raftah binti Ibrahim [Timbalan Pengarah Audit 1 (Kewangan)]
Encik Haslim Eairon bin Mat [Penasihat Perkastaman]
Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi [Penolong Pengarah Audit (Kewangan)]

Jabatan Peguam Negara

YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Munisipal) I]
Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin [Peguam Persekutuan]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Eizan Azura binti Zainudin [Timbalan Pengarah]

Unit Perancang Ekonomi (UPE)

Encik Khalid bin Mohamed [Timbalan Pengarah I (Seksyen Bajet Pembangunan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen & Kabinet]
Puan Azreen binti Awang [KPS (Seksyen Parlimen & Kabinet)]
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (KP)]

Jabatan Akauntan Negara

Tuan Haji Ramli bin Chik [Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)

YBhg. Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil [Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan)]

SAKSI**Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**

YBhg. Datuk Siti Zauyah binti Md Desa [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)]
YBhg. Dato' Khodijah binti Abdullah [Setiausaha Bahagian Cukai]
YBhg. Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim [Timbalan Setiausaha (Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi)]
Encik MA. Sivanesan [Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Tidak Langsung Dan GST) – TSBC (CTL)]
Encik Ezleezan bin Othman [Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Dasar & Pelaksanaan GST) – KS(GST)]

samb/-

SAKSI (*samb/-*)**Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

YBhg. Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy [Ketua Pengarah Kastam Malaysia]

YBhg. Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil [Pengarah Operasi CDN Zon Tengah]

Encik Rasha Afzal bin Shafii [Pegawai Khas kepada Ketua Pengarah Kastam]

Encik Roslan bin Yusoff [Penolong Kanan Pengarah Kastam I]

Puan Hatimah binti Hamid [Ketua Akauntan (Cawangan Akaun)]

Encik Mohd Zulkifli bin Zahar [Akauntan (Bahagian CDN Zon Tengah) (Unit Perakaunan Hasil SST)]

Encik Hasnizam bin Hassan [Akauntan (Bahagian CDN Zon Tengah) (Unit Perakaunan Hasil SST)]

Puan Siti Maimunah binti Ahamad Zambri [Penolong Pengarah Kastam (Bahagian CDN Zon Tengah) (Pulangbalik dan Semakan Semula)]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL PERTAMA****Rabu, 12 September 2018****Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama,
Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.02 pagi***[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiang **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Selamat pagi, salam sejahtera Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC, Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh; Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa PAC; Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat. Terima kasih kepada semua Ahli-ahli PAC kerana dapat hadir pada pagi ini. Selamat datang juga saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Dato' Haji Che Isa bin Che Kob, Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan) yang mewakili Ketua Audit Negara; seterusnya *ex officio* Parlimen, daripada Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, Jabatan Audit Negara, Jabatan Akauntan Negara dan juga Unit Perancang Ekonomi (UPE). Terima kasih kerana dapat hadir pada hari ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hari ini kita akan mengadakan mesyuarat prosiding pertama Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara membabitkan isu tuntutan tunggakan bayaran cukai barangan dan perkhidmatan berjumlah RM19.4 bilion. Hadir bagi memberikan keterangan di hadapan kita pada hari ini adalah Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Datuk Siti Zauyah binti Md Desa yang mewakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan serta Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia, Dato' Sri T. Subromaniam.

Sekretariat PAC Parlimen pagi ini dimaklumkan bahawa saksi kedua iaitu mantan Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia, Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad yang berkhidmat pada 22 Jun 2012 hingga 20 Mac 2017 tidak dapat hadir kerana berada di luar negara. Kita akan mendengar semua penerangan pada hari ini dan jika wujud keperluan untuk memanggil Dato' Sri Khazali, PAC akan memanggil beliau selepas ini. PAC Parlimen membuat keputusan untuk memulakan prosiding mengenai isu ini selepas perkara dibangkitkan oleh Menteri Kewangan dalam sidang Dewan Rakyat yang lepas sehingga mendapat perhatian rakyat secara keseluruhannya. Justeru PAC Parlimen berpendapat adalah lebih baik satu siasatan yang adil

serta telus dilakukan Jawatankuasa ini mengikut Peraturan 77(1)(d) dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Pada 30 Ogos yang lalu, PAC Parlimen sudah mendengar taklimat mengenai perkara ini daripada Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad. Saya merasakan semua Ahli-ahli PAC sudah memahami sedikit sebanyak isu yang hendak disiasat dan berharap prosiding ini dapat dijalankan dengan lancar dan Jawatankuasa juga telah membuat terma rujukan. Ada tujuh terma rujukan yang telah pun diedarkan kepada Ahli-ahli PAC tetapi untuk *just refresh you*, pertama prosiding kutipan, kita akan mendengar tentang— ingin mengetahui tentang prosedur kutipan GST di pihak Kastam Diraja Malaysia.

Kedua, prosedur bayaran tuntutan GST di pihak Kastam Diraja Malaysia. Ketiga, perbezaan Kumpulan Wang Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Keempat, komponen dalam Kumpulan Wang Disatukan. Kelima, prosedur dalam tabungan GST. Keenam, komponen dalam Akaun Amanah Disatukan dan ketujuh, penjelasan mengenai kelewatan bayaran tuntutan GST berjumlah RM19.4 bilion. Ini merupakan terma-terma rujukan yang telah kita tentukan dan tentu sekali prosiding ini akan *follows closely*, mengikut secara dekat terma-terma yang telah ditentukan oleh PAC sendiri.

Ahli-ahli Yang Berhormat esok pula PAC akan mendengar penerangan daripada mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sir Dr. Mohd Irwan. Saya harap agar semua Ahli-ahli PAC dapat hadir dalam mesyuarat esok atau setidak-tidaknya cukup kuorum untuk menjalankan prosiding yang akan dibuat esok. Jadi tanpa membuang masa jika tidak ada tambahan yang perlu dibuat oleh pihak Kastam dan pihak Jabatan Audit Negara, saya akan mulakan prosiding dengan memanggil saksi daripada MOF. Ya, sekian.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan Malaysia]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC yang dihormati dan juga penjawat-penjawat awam. Saya ingin menjemput supaya Dato' Sri Subromaniam Tholasy untuk memberi sedikit penerangan berkenaan dengan kutipan dan juga prosedur bayaran balik GST. Silakan Dato' Sri.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy [Ketua Pengarah Kastam Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia]: Terima kasih Datuk Siti Zauyah. Tuan Pengerusi PAC, Timbalan Pengerusi PAC, Yang Berbahagia Setiausaha Dewan Rakyat, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC dan juga *ex officio*. Selamat pagi, salam sejahtera. Saya ingin maklumkan isu berkenaan dengan

bayaran balik yang tertunggak ini sebenarnya telah bermula sejak tahun 2015 lagi. Ketika itu saya selaku Pengarah Bahagian GST dan kita ada Surat Ikatan Amanah Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 54(1) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan. Dalam mesyuarat kedua Jawatankuasa ini, telah ditetapkan satu amaun iaitu sebanyak 35 peratus sebagai had untuk bayaran balik daripada jumlah kutipan yang dibuat bagi mana-mana tempoh. Maksudnya kalau dalam satu bulan itu kalau kutipannya ialah RM5 bilion contoh, maka dalam mesyuarat bulanan dalam Jawatankuasa Kumpulan Wang Bayaran Balik itu akan diberi biasanya, lazimnya diberi kelulusan oleh Jawatankuasa di mana Jawatankuasa berpandukan kepada had 35 peratus.

Kenapa 35 peratus, kenapa bukan lebih bukan kurang kerana ia adalah berdasarkan kepada satu kajian yang dibuat sebelum GST dilaksanakan.

■1010

Ketika itu, MOF ada wujudkan apa yang dikenali sebagai *Tax Review Panel* ataupun Panel Kajian Semula Cukai yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Kamariah binti Hussain ketika itu. Sebelum pelaksanaan GST, memang ada kajian-kajian tertentu yang dibuat. Bila kita melihat kepada negara-negara lain, bayaran balik ini adalah dalam lingkungan 30 peratus hingga 40 peratus lazimnya.

Jadi, dalam mesyuarat kedua telah ditetapkan had silingnya sebanyak 35 peratus tanpa mengira berapa banyak tuntutan yang dibuat oleh pihak peniaga. Kadang-kadang memang tuntutannya melebihi 35 peratus. Itulah yang jadi isunya di sini, pokoknya. Lama-kelamaan ia *accumulated*, tertunggak dan sehingga 31 Mei, jumlah yang tertunggak adalah sebanyak RM19.4 bilion mengikut akaun di Jabatan Kastam berpandukan kepada apa yang diikrar oleh pihak peniaga.

Mereka berikrar melalui penyata yang kita panggil GST-03. Dalam itulah mereka akan membuat tuntutan, *payable how much, claimable how much*. Kalau mereka berada pada kedudukan positif, bermakna mereka perlu bayar cukai itu kepada kerajaan. Akan tetapi kalau *input tax claimable* melebihi *payable*, mereka akan berada dalam keadaan *refund*, pulang balik.

Mengikut peraturan 67 Peraturan-peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan, undang-undang mengkehendaki kita bayar balik, pulang balik itu dalam tempoh 14 hari bekerja ataupun mana-mana tempoh yang *practicable* ataupun praktik. Isunya ialah kadangkala Jabatan Kastam tidak dapat menunaikan yang 14 hari bekerja kerana kami ada empat peringkat semakan dan kelulusan.

Kemudian saya bagi contoh Yang Berhormat, kalau satu syarikat itu membuat pengikraran mereka ada eksport contoh. Jadi, pegawai kita biasanya terpaksa memeriksa sistem

maklumat Kastam untuk buktikan sama ada mereka ini benar-benar ada mengeksport barang. Jadi, kadang-kadang rekod itu tidak sempurna. Mereka betul ada buat pengeksportan, tetapi mungkin menggunakan nama syarikat yang berlainan dan sebagainya. Jadi, sudah tentulah pegawai kita akan membuat *query* dan itu kadang-kadang mengambil masa. Itu antara sebab kenapa amaun itu tertunggak. Juga, kadang-kadang kita buat *desk review*. *Desk review* yang kita buat itu kalau menimbulkan syak wasangka, mereka akan menghubungi syarikat untuk mendapatkan dokumen-dokumen tambahan. Itu pun antara punca kenapa tidak dapat bayar balik tunggakan pulang balik itu dalam masa 14 hari bekerja seperti yang diperuntukkan.

Jadi, ada lagi sebab-sebab lain. Sebagai contoh, mereka sudah membuat pengikraran, kemudian mereka ubah penyata itu. Mereka memang dibenarkan untuk mengubah penyata. Jadi, apabila penyata-penyata seperti ini diubah, sistem GST yang kami gunakan itu kita ada penilaian risiko ataupun dalam bahasa Inggeris kita kata *risk engine built in the system* MyGST itu. Kita ada 67 petunjuk *high risk rules* dan juga 45 petunjuk *common risk rules*. Sebagai contoh, 63 *high risk rules* ini ialah kita ada *input-output ratio* bagi setiap industri. Jadi, kalau apa yang mereka isytihar itu tidak termasuk dalam *range input-output ratio* yang kita ada dalam pengurusan risiko itu, maka ia akan ditunjukkan sebagai *red flag*. Jadi, mungkin berlaku kelewatan bayaran balik sebab perlu semakan lanjut dan sebagainya. Itu antara contoh *high risk rules* yang dimasukkan dalam sistem pengurusan risiko kita.

Kemudian, kita ada juga 45 petunjuk *common risk rules*. Inilah yang saya kata tadi bila dia buat pindaan kepada penyata tadi, *automatically* ia akan dimasukkan dalam kategori tunggakan yang perlu disemak. Itu juga menyumbang kepada kelewatan. Jadi, kita memang mengakui ada kelewatan bayaran balik. Namun demikian, kebanyakan tuntutan yang dibuat itu adalah sah, cuma memerlukan verifikasi.

Jadi biasanya kita dalam mesyuarat bulanan Kumpulan Wang bagi bayaran balik ini, kita akan mohon apa yang telah diluluskan dan sedia untuk bayar balik. Kita sebenarnya ada satu slaid kalau Yang Berhormat Pengerusi *allow us to show*, Pengarah Operasi GST akan *explain...*

Tuan Wong Chen [Subang]: Dato' Sri, *before we continue with your briefing*, kalau boleh itu kita hendak tanya soalan perkara-perkara yang telah ditimbulkan sebelum itu. *Before you going to the minor details, details* itu kita banyak persoalan. *But, let me with your permission Chairman*, kita mula dengan asas ataupun *the study* yang dibuat tentang 35 peratus ini. Soalan pertama saya ialah negara apa yang telah dikenal pasti untuk *study* tersebut? Siapa yang buat *study* tersebut, sama ada *internal* ataupun *external consultants* digunakan untuk *establish the 35 percent rate that you keep for the rebate?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Terima kasih Yang Berhormat. Ia berdasarkan kepada kajian dalaman oleh *Tax Review Panel* dan Bahagian GST juga ada pernah buat kajian ketika itu. *Can I ask* Pengarah GST, Yang Berbahagia Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil Tuan Pengerusi? *The 35 percent.*

Tuan Wong Chen: *Which country did you based the study on?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Okey. *Actually, there is a report, KPMG world report yang mengambil kira kebanyakan negara-negara yang mengamalkan VAT ataupun GST. Quite an extensive report. Ada bawa tidak report itu?*

Tuan Wong Chen: *Did you commission this report for KPMG or it is a general report that KPMG issued?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *No. This is a report by— It is not local KPMG, it is a KPMG's Global Indirect Tax Services. This is the one. [Menunjukkan salinan laporan tersebut] By KPMG International. So, di sinilah ada— Ia membuat kajian mengenai efficiency bayaran balik oleh negara-negara di mana kajian ini meliputi 65 negara.*

■1020

Mengikut kajian ini, dengan izin Yang Berhormat *40 percent of the surveyed countries may be regarded as having an efficient process for providing refunds for resident businesses. This means that those countries provide refunds in the usual cost within 56 days of VAT or GST returns being submitted.*

So, on the average kajian ini mengatakan daripada 65 negara *survey* yang dibuat ini, purata masa yang diambil ialah lebih kurang 56 hari. Akan tetapi, kita telah mensyaratkan dalam undang-undang bahawa kita akan kembalikan pulang balik itu dalam masa 14 hari bekerja ya. Hari bekerja *doesn't mean* 14 hari lah. Hari bekerja itu kadang-kadang tidak termasuk Sabtu, Ahad dan juga cuti umum.

Sir, I'm more than happy to submit this report...

Tuan Wong Chen: *Yes, please.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Antara negara-negara yang ini adalah Argentina, Australia, Austria, Belgium, Brazil— *quite a diverse country*— Canada, China, Costa Rica, Rusia, Romania, Nigeria, New Zealand, Indonesia, Italy, Mexico dan sebagainya.

Tuan Wong Chen: *No, my question is— soalan saya ialah sama ada kita commission KPMG International untuk buat satu laporan untuk kita atau laporan ini adalah laporan yang biasa dikeluarkan. Did we actually commission a specific report?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *No, Sir*, Yang Berhormat tidak. Kita hanya cuma gunakan ini sebagai panduan sahaja.

Tuan Wong Chen: Jadi maknanya KPMG tidak buat *recommendation* 35 peratus lah?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Tidak, tidak, yang itu adalah dalaman.

Tuan Wong Chen: Dalaman, okey baik. Oleh itu saya hendak tahu apakah proses untuk dapat 35 peratus. Adakah di dalam buku itu, buku KPMG itu ada menyarankan *recommendation* ataupun apa-apa pun standard 35 peratus kadar? Sebab itu isu utama dan kalau boleh diberikan kepada *PAC members* satu salinan *report* tersebut.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya, boleh. Saya rasa mereka sebenarnya tidak mengesyorkan apa-apa, cuma dalam *report* ini apa yang saya perhatikan ialah purata bayaran balik di negara-negara adalah lebih kurang 56 hari. Sebab ia...

Tuan Pengerusi: *35 percent.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Oh! *35 percent* ini sebenarnya tidak ada di sini. Ini sebab Yang Berhormat ia bergantung kepada model di setiap negara itu. Sebagai contoh ya, kalau satu negara itu kurang eksport contoh— *it's not an open economy like Malaysia, then* sudah tentulah kadar bayaran balik itu tidaklah begitu tinggi. Kemudian, tengok juga model GST, kita ini banyak barang-barang yang diberi kadar sifar. Contoh makanan asas dan juga *lot of reliefs* apa yang kita panggil pelepasan yang diberi kepada syarikat-syarikat tertentu.

Sebab itu barangkali kadar di Malaysia itu mungkin telah naik melebihi, *you know— some of the international norm. That could be the reason. I don't know for sure.* Akan tetapi, itu antara sebab-sebab yang biasanya kita percaya kenapa amaun tuntutan itu semakin tinggi kalau berbanding dengan pada tahun 2015.

Pada tahun 2015, saya rasa angkanya tidaklah setinggi seperti dalam 2016 dan 2017 ya dan juga 2018. Itu antara sebab bila ia naik mendadak ya, mungkin 35 peratus itu perlu satu kajian semula. Itu mungkin tidak dibuat.

Tuan Wong Chen: Terima kasih. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi: Maknanya, daripada permulaan GST dilaksanakan, dua perkara yang telah diputuskan oleh Kastam, *35 percent refund* itu dianggarkan untuk dipulangkan semula dan 14 hari proses. Akan tetapi, kedua-dua ini nyata sekali tidak dapat dipenuhi oleh Jabatan Kastam ini, *is that what you are saying?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya, Yang Berhormat. Itulah keadaannya, yang pertama tadi 14 hari memang tidak mungkin dapat dilaksanakan sebab proses itu sendiri mengambil lebih daripada 14 hari bekerja kecuali bagi *refunds* yang tidak kami anggap sebagai

high risk, yang tidak tertakluk kepada *high risk rule* dan *common risk rule* itu, ia akan melepasi jaringan.

Tuan Pengerusi: Okey, adakah dalam peruntukan peraturan ataupun undang-undang GST ini yang memberi ruang kepada Kastam dan untuk mencadangkan kepada kerajaan untuk membuat perubahan-perubahan terhadap dua perkara ini— *35 percent and the 14 days? Is there a provision in the peraturan that the custom or the government have to take initiative to make amendments to the guidelines?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang Berhormat, dalam undang-undang tidak ada. Dalam undang-undang tidak ada. Sebenarnya walaupun seksyen 54, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan mengatakan segala kutipan hasil hendaklah masuk dalam tabung. Akan tetapi, *Federal Constitution would override* apa yang kita pungut itu ianya dimasukkan dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan dan melalui mesyuarat ya, kita pohon sesuatu amaun dan itulah yang diluluskan dan dimasukkan dalam tabung.

Sebenarnya Menteri, di bawah 54...

Tuan Pengerusi: *Which Constitution that override that section 54?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: 54(2) and 54(5). *Regarding the powers to—* saya bacakan Yang Berhormat. *[Membaca petikan]* '54 subseksyen (2), Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan mengatakan, "Maka hendaklah dibayar ke dalam kumpulan wang itu amaun cukai yang dipungut di bawah akta ini sebagaimana yang diberi kuasa oleh Menteri".

Akan tetapi, ia hendaklah dibaca bersama-sama dengan 54 subseksyen (5). Walau apa pun subseksyen (2) dan peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957, Menteri boleh memberi kuasa pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan bagi semua atau sebahagian daripada wang dalam kumpulan wang itu.

Tuan Pengerusi: Maknanya tiada isu di sana?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya.

Tuan Pengerusi: *That section 54(2) override by section 54(5).*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Exactly*, itulah keadaannya Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen: Dato Sri, *Chairman, with your permission.*

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Wong Chen: *I'm fully aware that you have the powers to do regulations and to change the rate and all these. I'm sure it is all within the powers and legal. I'm not saying the Customs Department don't have the power. I just want to know the rationale behind the 35*

percent. If you cannot give us an answer today, I hope that maybe tomorrow when we extend, you can make a short appearance and explain to us how the 35 percent was actually made.

You did not commission KMPG International to do a specific report to you. You use it as a base for your study. So, we need to know how was this 35 percent picked up. Every case is different and perhaps you can answer, you know in the year 2016, 2017 was it any justification data, real data coming in on your rebate, percentage of rebate.

You know, and the other thing is I want to recommend whoever from the internal audit maybe can assist, you know the Jabatan Audit Negara can assist in finding what the proper rate should be. Why we're here is to establish the RM19 billion issue, I think more important is going forward, we must allocate sufficient money to rebate back to the businesses, otherwise it's not fair.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang Berhormat, kita sebenarnya ada satu kertas yang disediakan sewaktu panel kajian semula cukai dan adalah asas-asas yang digunakan untuk *estimate the amount of refund* dengan mengambil kira eksport negara dan perniagaan yang juga membuat *zero-rated supply*, yang tidak ada cukai, kadarnya kosong dan *businesses making* pembelian harta modal dan juga faktor-faktor lain.

Dalam *empirical modeling* yang dibuat ketika itu, ada anggaran yang kita buat mengikut *empirical* formulanya ada. *It ranges from 30 percent to 40 percent.*

■1030

I will submit the paper.

Tuan Pengerusi: *Giving that to the committees.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *To the committee. This was prepared under the panel kajian semula cukai.*

Tuan Wong Chen: *This paper is dated when? 2015? Betul? I mean just before the implementation 1st April. Before that.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Tuan Ezleezan. *Remember?*

Encik Ezleezan bin Othman [Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Dasar & Pelaksanaan GST) – KS(GST)]: Terima kasih Yang Berbahagia KP. 2014, kita buat paper itu.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *I think 2014.*

Tuan Wong Chen: *Now does the new data coming in for 2015, 2016, 2017, does it justify a reassessment on the 35 percent? That is my basic question. Is it now we should allocate 40 percent or 42, 43? What is your real data? I mean last time when you prepared this, you are using assumption because you are forward thinking. You are trying to assess, right? And you set 35*

percent. I'm not quarreling with that. The quarrel now is this rate too low to rebate back to the businesses today in 2018. Is there a requirement to reassess atau tidak ataupun you will continue to use this 35 percent rate?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil [Pengarah Operasi CDN Zon Tengah, Jabatan Kastam Diraja Malaysia]: Saya boleh tambah sedikit. Jadi, asas yang peringkat awal seperti diterangkan tadi *35 percent*. Akan tetapi, dia ada *saving clause* di sana. Ada sekiranya tidak cukup, kita boleh minta tambah. Sebab dari masa ke semasa kita akan minta berdasarkan—kadang-kadang dia kalau kita lihat yang kita minta itu berdasarkan pungutan semasa pada masa itu. Contohnya pada sekarang bulan, katakanlah bulan Mei. Kita lihat pungutan pada bulan Mei. Mungkin pada bulan Mei awal tahun kita akan minta banyak ataupun awal minggu. Minggu-minggu pertama kita akan minta banyak. Hujung minggu, minggu ke empat kita akan kurangkan sebab hendak *balance*-kan.

Akan tetapi, benda ini kita akan laporkan dalam mesyuarat jawatankuasa. Jadi, jumlah peratusan ini sebab dia *35 percent* itu hanya sebagai satu panduan. Sekiranya lebih, kita akan lapor dan kita akan minta di dalam mesyuarat jawatankuasa. Tidak semestinya kita akur, patuh kepada *35 percent*.

Tuan Pengerusi: Okey. Sepanjang pengalaman Kastam tiga tahun GST di laksana, berapa kali perlu diminta tambahan pulangan GST ini?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Perjalanan dia, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Walaupun dibuat setiap kali mesyuarat itu, setiap kali itu tambahan diminta dipohon oleh Kastam. *Is that you are saying?*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Okey. Saya selaku Pengarah GST yang ataupun mengambil berat tentang *refund* ini. Permohonan dia setelah *refund* itu diluluskan, kita akan lihat satu kriteria daripada jumlah keseluruhan itu, jumlah *refund*, berapa yang diluluskan. Tidak lulus, kita tak minta lagi. Katakan pada minggu itu diluluskan RM1 bilion. Kita lihat juga pada minggu itu berapa *collection* ada pada minggu itu. Contohnya, minggu itu kita baru dapat *collection gross* RM500 juta. So, kita hanya minta RM500 juta. Minggu depan pula, kita tengok *collection* sudah masuk banyak, kita akan minta lebih berdasarkan dua kriteria permohonan kita. Kita buat setiap minggu kepada akauntan berdasarkan jumlah permohonan yang telah diluluskan, disemak oleh pegawai yang telah diluluskan dan kedua, berdasarkan kepada penghutang semasa pada ketika itu.

Jadi, kalau ada walaupun pungutan ada tetapi tidak ada yang diluluskan, tidak adalah. Akan tetapi, kebiasaannya ada diluluskan tetapi tidak ada pungutan. Itu kita lihat dua perkara ini. Kita akan minta setiap minggu kepada kementerian.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Tuan Pengerusi, saya cuba hendak dalamkan lagi soalan tadi. Berapa kali yang Kastam telah berjaya memohon lebih daripada 35 peratus dan diluluskan? Supaya kita nampak adakah 35 peratus ini betul-betul telah mengongkong sehingga tidak logik. Maknanya, kita yang putus selepas 14 hari. Kemudian, kita yang gagal membayar. Jadi, saya hendak tahu dan kami hendak tahu. Berapa kali yang telah mohon dan telah diluluskan?

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Biar saya beri penjelasan sedikit. Terdapat...

Tuan Pengerusi: Sebelum jawab itu.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Ya.

Tuan Pengerusi: Adakah 35 peratus ini— *That one is based 35 percent*. Adakah kerajaan, kewangan bagi 35 peratus *as what you pohon ini? All the time*.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Ya. Kita memang secara konsisten membayar 35 peratus daripada setiap kutipan. Pada setiap kali mesyuarat aliran tunai diadakan. Akan tetapi, masalahnya dalam tahun 2017, kita perhatikan bahawa tuntutan itu naik mendadak. Bila naik mendadak, kita minta Ketua Audit Dalam untuk membuat *auditing*-lah. Ada beberapa penemuanlah yang menunjukkan banyak yang tuntutan dia kita perlu *verify*, kena audit lagi. Sebab tiba-tiba sahaja jumlah memfailkan pembayaran balik itu tiba-tiba meningkat. Jadi, kita tidak pasti sama ada tuntutan itu adalah *genuine* ataupun tidaklah. Itu yang kita minta audit dalam untuk membuat *auditing* lah.

Tuan Wong Chen: Ya. Terima kasih. *So, the audit dalam itu sudah buat? Belum lagi? Dalam proses?*

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Sudah buat.

Tuan Wong Chen: Sudah buat. Jadi, apakah *finding* dia? *Behaviour* itu kenapa? *What is the behavioural economics behind this? Is it the people— companies are losing money, so they try to cheat a bit more or is it because— what is the reason?*

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Kebanyakan. Sebab yang Jabatan Kastam pun tidak sangka terlalu begitu banyak syarikat-syarikat yang mendaftar untuk GST. Jadi, lebih pada— saya rasa lebih 470,000 syarikat. Jadi, kapasiti Jabatan Kastam untuk membuat verifikasi dengan *auditing* itu agak terhadlah. Sebab kita juga faham bahawa Jabatan Kastam juga baru rekrut

akauntan-akauntan yang baru *graduate* yang mengambil masa lah untuk membuat *auditing*. Macam seperti juga Dato' Sri Subromaniam mengatakan bahawa verifikasi, *cross check* di antara sistem dan juga maklumat dengan— kita juga ada semakan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Semua itu kena buat semakan. Jadi, itu yang memakan masa lah. Jadi, *backlog* itu memang banyaklah untuk *auditing* dengan verifikasi.

Tuan Wong Chen: *But you just said that the audit has been completed. What is the finding?*

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Oh, *the internal audit*. *Internal audit* mendapati bahawa banyak. [Merujuk kepada dokumen] Okey, ini laporan *internal audit*. Peningkatan pembayaran balik GST dari tahun 2015 hingga September 2017 antaranya disebabkan dasar kerajaan untuk memberi pelepasan daripada membayar GST seperti pelepasan pembekalan berkadar sifar domestik dan eksport serta tiada pembekalan seperti berikutlah. Pelepasan daripada membayar GST; antaranya. *Then*, pelepasan tersebut menyebabkan GST yang dilepaskan pada tiga tahun tersebut berjumlah RM13.701 bilion. Pada pendapat audit, pengasingan maklumat dalam borang GST-03 mengikut kategori pelepasan adalah penting kerana ini boleh membantu kerajaan membuat keputusan yang lebih tepatlah.

Jadi, hendak *sort out* yang *zero exempt*...

Tuan Wong Chen: *So, your report is saying that the increase in rebate application by the businesses is due to the fact that you all have zeroed more items, right? So, it's not really about the companies trying to cheat more or trying to steal more or try to defeat your system. What is really the story?*

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Ada juga syarikat-syarikat yang buat tuntutan yang tidak betullah. Ada juga.

Tuan Pengerusi: Yang itu termasuk dalam laporan itu kah?

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Ya. Masuk.

Tuan Pengerusi: Nanti *extend* dengan kita okey.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Ya. Boleh.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Ya, Tuan Pengerusi. Terima kasih...

Tuan Wong Chen: Minta maaf. Soalan pokok saya itu. *Chairman*. *Sorry*. *Sorry for taking everyone's time but I just want to assess. Do we need to change the 35 percent rate? Are you all happy maintaining the current system? Or is there a requirement to change to 40 percent? That is why I'm asking. Because here we are fundamentally asking the question is this RM19 billion missing, misused, misspent? The basis of that depends on whether the 35 percent rate is a fair*

rate or not to us to make decision. Do you recommend now we move to 40 percent or do you still recommend 35 percent?

Datuk Siti Zaayah binti Md Desa: Dengan data yang kita ada, kita masih membuat kajian sebab kita sudah melantik *auditor* luar untuk menyemak semua akaun-akaun. Sebab kita tidak pasti lagi sama ada 35 peratus, 40 peratus atau lebih daripada itu adalah sewajarnya. Jadi, kalau kita terlepas bayar tetapi duit itu dalam dana itu dan tidak bergerak, tidak di— *refund* tidak boleh dibuat sebab lazimnya masa mesyuarat aliran tunai itu jumlah yang telah di-*verify*, telah diaudit oleh Jabatan Kastam agak rendah berbanding dengan yang tuntutan. Jadi, kita bayar yang mana yang dikatakan telah di-*verify*, telah dituntut.

■1040

Jadi kita masih belum dapat menentukan jumlah yang ideal sebab pelantikan juru-juru audit hanya dilaksanakan baru satu atau dua bulan yang lepas.

Tuan Wong Chen: *Can you tell us when you think your audit report is going to come out from your external consultant? Just give us a timeline— enam bulan atau setahun dari sekarang, so that when we revisit this matter, I think going forward, we do not want the companies to accuse the Pakatan Harapan Government, that we're not doing our job to rebate fair and true genuine cases. So, I think a comprehensive study needs to be done.*

The other one is who is this consultant you hired? Is it PwC, KPMG? Second is why isn't the internal, Jabatan Audit Negara doing— is it not in their privy to do this research?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang Berhormat, *I think yang we commission for external auditors untuk bantu pihak Kastam because our staffs are limited. We cannot possibly audit everyone.* Jadi, ada 12 syarikat telah dilantik termasuk *the big four* untuk membantu berdasarkan kepada *risk— one of the issue with the refund is—* kita juga ada banyak tuntutan palsu. Perniagaan tidak ada tetapi mereka pernah dapat bayaran hampir RM26 juta. Sebuah syarikat di Ipoh yang kononnya ada perniagaan ternakan ayam tetapi ayam seekor pun tidak ada, perniagaan pun tidak ada, *it is a scam.* Akan tetapi fasal ayam itu *zero-rated* dan *because of the constraint 14 working days* ini, pada awalnya telah pun diluluskan, telah pun dibayar balik. Akan tetapi mujurlah kita dapat tangkap mereka dan telah pun didakwa.

Jadi, itu juga menyebabkan tidak ada sebab kenapa pegawai kita lebih berhati-hati sebab pegawai akhirnya bertanggungjawab, yang meluluskan *refund* itu. Apabila kes itu pergi ke mahkamah, ramai juga pegawai kita yang muda-muda yang diambil untuk tujuan GST ini, *they were shaken* bila diambil rakaman kenyataan— kenapa mereka luluskan sebab mereka luluskan berdasarkan kepada SOP yang ada tetapi dokumen yang dikemukakan itu palsu, *that is audit.*

Kalau hendak bayar balik *within 14 working days* tidak mungkin kita boleh buat *field audit*. Berdasarkan kepada *desk audit*, kita terpaksa bayar balik. Itulah berlaku beberapa kes apabila kita buat *field audit* tidak jumpa syarikat, apabila kita buat *investigation* macam-macam berlaku.

Ada kes di Johor Bahru di mana syarikat beli *handphone* daripada syarikat tempatan kononnya, kemudian dieksport ke Singapura, borang kastam ada, *so they were in refund position*, bayaran telah dibayar. Akan tetapi *later the investigation revealed that* syarikat itu sebenarnya telah menipu. Jadi, pegawai mengambil masa untuk memastikan. Jadi antara sebab-sebab kenapa Kastam tidak dapat membuat bayaran balik dalam tempoh yang ditetapkan dan perkara ini telah dimaklumkan beberapa kali termasuk kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. *14 working days* itu perlu dikaji semula tetapi dalam mesyuarat-mesyuarat lah. Ini kerana dia memberi tekanan yang amat besar kepada pegawai-pegawai Kastam yang proses *refund* ini.

Satu lagi perkara ialah mengenai pelepasan yang diberikan kepada projek-projek besar. Dato' Maher hendak *explain*?

Tuan Pengerusi: Boleh tidak beri lebih banyak keterangan mengenai penipuan, *false claim* yang dibuat oleh syarikat kepada PAC? *So far you mentioned* ada dua, satu ayam dan satu di Johor *on telephone*. *For all the cases I think we want to see all the cases. Can you provide us later?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Kita akan berikan maklum balas secara *in writing* Yang Berhormat ya.

Tuan Wong Chen: Tuan Pengerusi, *sorry*, soalan saya tentang bilakah *report* daripada 12 *audit firm* ini akan siap?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang Berhormat, *we just commission first* September. Sebagai *pilot project* mereka hanya diberi sepuluh syarikat *each*, 12 syarikat firma-firma audit ini untuk membantu kita. Kita telah beri mereka tempoh tiga bulan untuk menyiapkan – *this is just a pilot project*. Kalau berjaya, kalau ada hasilnya *then we will go for open tender*. *Open tender meaning any audit firm* bolehlah ambil bahagian dalam membantu Jabatan Kastam. Ini kerana GST sebenarnya sudah tutup tirai. *So*, kita pun tidak hendaklah ambil masa enam tahun seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pemansuhan GST. Ia memberi kuasa— Seksyen 6 itu memberikan kuasa enam tahun. Akan tetapi kita tidak hendak tunggu, *unfair for businesses to wait that long*.

So, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberi arahan. *We will start paying beginning of next year. Then we all need to find a closure* dalam masa yang singkat dan selepas

mereka – *especially those* yang membuat tuntutan yang besar-besar dan juga *suspicious claim* ini, *once* kita sudah *go through*, *then* bolehlah kerajaan akan buat bayaran. Terima kasih.

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan kes-kes *fraud* tadi ataupun penipuan sebenarnya seperti mana yang disebut tadi yang besar, yang jelas ialah kes ayam. Kita ada RM26 juta yang telah kita bayar dalam masa 14 hari. Daripada sanalah kita lebih berhati-hati dan pegawai-pegawai akan lebih berwaspada sebelum kita meluluskan.

Peringkat kelulusan ini kebiasaannya melibatkan di antara enam ke sembilan peringkat pegawai. Jadi, kalau kita sudah lihat ada yang mungkin lima ke enam— dia ada pelbagai *stage*. Jadi kes yang kedua telefon agak besar dan kes-kes yang lain ini yang kita panggil kes-kes yang bukanlah kes-kes kes penipuan seperti mana kes ayam dan kes *handphone* tadi. Akan tetapi kes-kes ini kita anggap sebagai teknikal dan kita perlu perbetulkan. Contohnya saya bagi banyak kes-kes yang mengeksport— orang lain eksport, orang lain yang tuntutan. Jadi kes-kes macam ini kita tidak anggap sebagai penipuan tetapi lebih teknikal, kita perbetulkan, kita tolak di punya permohonan dan kita minta dia *submit* semula. Jadi, proses itu panjang.

Bila kita tolak— katalah tuntutan asal itu contoh saya bagi satu syarikat besar, syarikat petroleum ini. Dia membuat tuntutan sebab petrol dan diesel ini mendapat *relief*, dia membuat tuntutan. Akan tetapi daripada semakan daripada birokrasi kita ini menggunakan borang kastam orang lain, bila menggunakan penginputan itu bukan atas nama dia tetapi atas nama orang lain, jadi kita semak itu proses hendak semak itu satu serkap yang— macam kita serkap jarang dia hendak kena— boleh kena, kadang-kadang tidak boleh kena. Jadi proses itu pelbagai teknik kita buat, jadi makan masa.

Jadi syarikat besar, saya buat sendiri syarikat petroleum, saya buat, dia menggunakan borang kastam orang lain, kita tuntutan dan kita proses – kita ada *round table discussion*, bincang macam mana boleh berlaku. Akhirnya dibetulkan balik daripada awal sampai sekarang, buang balik yang— walaupun yang borang kastam sebenar dia boleh tuntutan, tuntutan di bawah syarikat yang sebetulnya. Jadi kita tidak kata dia sebagai penipuan atau *fraud* tetapi teknikal itu ada. Jadi kita minta betulkan, proses-proses macam ini memakan masa.

Jadi, kes-kes— kalau kita ikut saya tak ada *figure* di sini, kalau ikut daripada kita, yang kita tolak *refund* ini untuk di-*adjust* semula ini berbilion-bilion juga. Proses inilah yang makan masa. Kita tidak hendak apa yang dituntut itu terus kita bayar. Jadi, sebab itu dalam *regulation* 67 sebut, 14 hari atau satu *practical time* atau *practicable time*. Jadi, *time practical* inilah setelah kita melalui proses-proses ini. Banyak proses ini di peringkat negeri, di peringkat ibu pejabat, di

peringkat akauntan, kita akan lihat, setiap peringkat pegawai-pegawai akan lihat, sampai ke peringkat pengarah pun kita akan lihat sama ada tuntutan itu layak atau tidak layak.

Tuan Pengerusi: Ada rekod atau tidak syarikat-syarikat yang dibayar dalam tempoh 14 hari, yang telah dibayar?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Ada.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Kita Yang Berhormat, kita ada satu amaun yang mana kalau tuntutan yang kecil-kecil tidak perlu melalui jaringan pengurusan risiko. Sudah tentu ia akan dibayar dalam tempoh 14 hari, tidak ada masalah. Ini kerana ia bukan merupakan satu risiko yang besar. Akan tetapi namun demikian, syarikat boleh juga— kalau dia menipu kecil-kecilan pun mungkin ada, tetapi dari segi impaknya agak kurang. Memang saya akui memang ada banyak juga syarikat yang kecil-kecil, amaun yang tidak besar itu tidak melalui jaringan dan kita bayar.

■1050

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Tuan Pengerusi, ada dua soalan untuk Dato' Sri Subromaniam. Saya masih ingat waktu 2014, pada masa saya hadir kursus yang disampaikan oleh Dato' Sri Subromaniam empat fasal itu. Kalau syarikat laporkan melalui Internet tetap akan dibayar balik 14 hari. Jadi mengapa sekarang *you* bagi alasan yang lain kalau ada alasan— kalau bayaran balik hanya akan dilakukan selepas audit— memang saya tahu punya 14 hari pihak Kastam tidak boleh habis buat pengauditan. Apa yang saya difahamkan, semua akauntan difahamkan daripada Kastam, 14 hari bayaran balik tetapi audit akan dilakukan selepas— kalau terdapat kesalahan, denda yang berat akan dijatuhkan. Adakah dasar Kastam tetapkan 14 hari untuk bayaran balik untuk menggalakkan orang atau syarikat-syarikat melaporkan melalui Internet. Akan tetapi sekarang apa yang saya dapat penjelasan— saya ada tunggakan GST yang diluluskan oleh pihak Kementerian Kewangan. Jadi mengapa sekarang sudah berbeza?

Kedua, adakah yang kita tidak dapat bayar balik RM19.5 bilion itu kerana peruntukan 35 peratus ini kekurangan kerana itu? Atau adakah sebab memang ada peruntukan tetapi sudah digunakan untuk benda yang lain. Itu yang saya hendak tahu.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang Berhormat, soalan pertama tadi itu memanglah peruntukan undang-undang itu 14 hari bekerja. Kalau mereka fail secara elektronik dan 28 hari bekerja kalau secara manual. Rata-rata hampir kesemua peniaga-peniaga daftar secara elektronik dan *submit claim* melalui *electronically*. *But the issue is process* ketika kita buat

undang-undang tidak nampak lagi prosesnya sebab undang-undang ini diluluskan pada tahun 2014. Saya rasa tahun 2014. Ketika itu sistem proses itu kita...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Bajet 2014.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Bajet 2014 dan...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: 2013.

Tuan Pengerusi: *Otherwise, you are still within that... 35 percent. Okay.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Ya, it shouldn't be that bad. 2015, 2016 was manageable. Cuma ada yang kita tidak bayar ketika itu sebab some of the things was subjected to audit and kemudian, ada juga claim sebab dia buat pindaan penyata. They keep changing their returns. So, system will pick up. So, ini polisi kerajaan. Kalau kerajaan bagi pelepasan, kita perlu hormati. Jadi, that is also factor that why the 35 percent was no longer relevant.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *That mean good answer is part of this money was channel for other purposes.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *I cannot answer Yang Berhormat that, maybe itu...*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Fasal sekarang kita hendak gunakan duit ini, Tabung ini untuk belanja mengurus dan juga pembangunan. Setuju?

Tuan Pengerusi: *That one tomorrow bawakan.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Soalan itu kita kena jawab. Fasal apa, sekurang-kurangnya apabila Tuan Pengerusi hendak buat rumusan ini lebih mudah. Itu yang pertama.

Kedua tadi, soalan saya tadi. Saya ada sebut tadi, dahulu kita tidak pernah dengar cerita tidak bayar ini. Sekarang kita dengar cerita dia. Akan tetapi apa pun Jabatan Kastam mesti diberi satu kepujian kerana saya tahu pada *start* mula kita hendak memulakan GST, *the only department who is operating better now, who is daring enough to take up the job. It's a challenge. It's Kastam.* Akan tetapi, macam mana pun sekarang dipersoalkan pula sekarang. Akan tetapi, apa pun kita hendak tanya, kenapa dahulu tidak pernah benda ini dengar. Syarikat kalau tidak dapat duit memang dia bising punya. Kenapa sekarang baru bising?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Terima kasih Yang Berhormat susah hendak...
[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Tuan Pengerusi. Sikit sahaja Tuan Pengerusi. Saya hendak *follow logic* Yang Berhormat Subang tadi. Sebab dia *try to deduce* perkara satu, dua, tiga, empat, lima yang mengatakan satu, dua, tiga, empat ada asas. Cuma Dato' Sri boleh jelaskan yang kelima ini. Memang langsung tidak ada asas pun ataupun sebenarnya ada asas untuk dituntut yang bawah *investigation*.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Okey. Siasatan pun bukan kata tidak ada asas. Kalau siasatan itu mendapati *they are cleared*, mungkin kena bayar juga. Sebab itulah saya keluarkan kenyataan media yang kita RM19.4 bilion itu berdasarkan kepada tuntutan yang dikemukakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Secara keseluruhan.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Secara keseluruhan. Jadi, mungkin kalau siasatan esok bila sudah selesai, kalau didapati tiada kes, maka sudah tentu melibatkan bayaran juga.

Tuan Pengerusi: Okey, *you explained just now that the* tuntutan meningkat ini disebabkan oleh pertukaran dasar kerajaan. Di ambil contoh fasal pelepasan cukai ECRL. Akan tetapi *the public* punya *perceptions* katakan bahawa ini disebabkan oleh tuntutan— ada yang bercakap tentang tuntutan palsu yang menyebabkan tuntutan meningkat begitu tinggi. *So, from your explanation is because of* dasar kerajaan. Pertukaran dasar kerajaan. *You maintain that,* kan?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya. Yang Berhormat, kebanyakan tuntutan melibatkan syarikat yang besar-besar. *Major exporters*. Itu *I—* saya rasa tidak adalah melibatkan tuntutan penipuan. Cuma dari segi dokumentasinya, itu sahaja. *Majority of them* adalah *big companies, major exporters*. Tidak ada isu pun. Cuma, ada segelintir syarikat-syarikat yang saya kata tadi *fly by night kind of companies* lah. Itu memang ada isulah.

■1140

Jadi, *majority of the claims are good claims*. Saya rasa cuma prosesnya belum lengkap.

Tuan Pengerusi: Bila kali terakhir *you* dapat tuntutan ini daripada kewangan, daripada akauntan? *The last time that you received* tuntutan *refund*.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Resit tuntutan kali terakhir.

Tuan Pengerusi: Ya, peruntukan yang *went into the account of Custom*. Bulan Ogos? *Put on the mic please. Put on the mic, please*. Kalau tidak, tidak dengar.

Puan Hatimah binti Hamid [Ketua Akauntan (Cawangan Akaun), Jabatan Kastam Diraja Malaysia]: *Last* adalah RM700 juta pada bulan Ogos.

Tuan Pengerusi: Tahun ini?

Puan Hatimah binti Hamid: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: *Before* Ogos bila? *The gap*.

Puan Hatimah binti Hamid: Jun, RM2 bilion kita...

Tuan Pengerusi: Jun RM2 bilion, kemudian Ogos RM700 juta.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, Tuan Pengerusi. *My question remain the issue, jumlah berapa yang telah pun diminta oleh Kastam daripada akauntan? Because, according to Dato' Sri's statement, reported where it was said that the Custom Department has requested for RM82.9 billion and the total paid was around RM63 billion and there is a balance of RM19.4 billion. So, does that mean that the custom has actually requested this fund to be transferred to the Amanah Account from the kewangan but not transferred.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *We have to correct— not to say— you are right. But the amount was requested to accountant. The accountant dan pihak akauntan biasanya will request dalam mesyuarat tabung monthly meeting. Yes, yes. But, my statement was based on returns. I am sure that it is a word there, based on returns submitted. We owe businesses RM19.5 billion.*

Tuan Wong Kah Woh: *So, did custom requested this sum from the accountant? So that, they can raise it in their monthly meeting.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *I think.*

Tuan Wong Kah Woh: *Overall? It is because the statement sound so.*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: *Macam yang saya sebut tadi, kita di Bahagian GST kita akan request berdasarkan dua kriteria tadi.*

Tuan Wong Kah Woh: *Maaf, I think that part, we are already repeated two or three times already. So, sekarang begini.*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: *Kita minta...*

Tuan Wong Kah Woh: *The statement says, Kastam sudah requested RM82.9 bilion and only about RM63 billion plus was paid and there is a balance of RM19.4 billion. So, sama ada itu bermaksud juga, Kastam sememangnya ada memohon daripada akauntan for that RM19.4 billion and of course what happen to the meeting, there is nothing to do with the Custom at the moment lah. Akan tetapi sama ada Kastam ada request kah tidak request? Jika ada request, the money never come or how?*

Tuan Pengerusi: *But, the way I understand now, the RM19.4 billion not the exact sum because ada part yang masih di bawah penyiasatan. So, again the figure is not around that lah, 19.4.*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: *Tuan Pengerusi, yang RM19.4 bilion ini kebetulan bagi saya adalah sama dengan amaun yang kita belum bayar. Akan tetapi jumlah yang kita request ini walaupun RM82 bilion tadi, different itu kebetulan sama. Sebenarnya kita request berdasarkan bukan jumlah total refund itu. Kita request berdasarkan apa yang kita lulus dan*

peruntukan. Bukan berdasarkan *total*, kalau kita ambil *total* RM82 bilion dapat RM62 bilion, kita ada *roughly* RM20 bilion *plus minus* itu kebetulan sahaja. Yang kita minta *every week* ini total kita minta RM82 bilion.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Tuan Pengerusi, jumlah yang diminta bukan RM19.4 bilion.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: *Go into*— fasal kita takut, kita bimbang satu sahaja, kerana dipertikaikan RM19.4 bilion. *GST is already in history you know. There will come a time anyone for that matter can make a decision to pay up RM19.4 billion and to omit* apa saja pertikaian kah, apa sahaja perkaitan kah walaupun palsu kerana RM19.4 bilion *is being raised, pay. We don't want that to happen.*

Tuan Wong Chen: Okey, *can I have the figure for...*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: *Recorded. It should be recorded. This 19.4 billion is not supposed to be automatic. But this figure has got to be verified.*

Tuan Wong Chen: *Can we have the figure for July? You say Jun RM2 bilion sudah bayar, Ogos RM700 million, July itu bayar berapa sudah?*

Tuan Pengerusi: Tidak ada?

Tuan Wong Chen: Julai tidak ada?

Tuan Pengerusi: Tidak ada?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: 5 September saya ada, dengan saya.

Tuan Wong Chen: *No, no. You paid in August, after June is July, then already August. You must have paid something in July. Tidak bayar langsung?*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Tidak.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Ada?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Tidak ada.

Tuan Wong Chen: Tidak ada?

Tuan Pengerusi: Soalannya tadi *the last* pembayaran yang *I mean* wang yang diterima daripada akauntan, Ogos. *Before that was June.*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Julai tidak ada.

Tuan Pengerusi: Julai tidak ada.

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Tidak ada.

Tuan Pengerusi: Ini pasti kan?

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *You tuntutan, ada tuntutan kan Julai?*

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Boleh kita semak? Boleh kita semak?

Tuan Pengerusi: Semak balik ya. Okey, *initially* Menteri Kewangan ada sebut— dia tidak sebut RM19 bilion tau, dia sebut RM18 bilion *something* yang *missing and then after that he came out to the number RM19.4 billion*. Ya, *it must have come from your people lah, I mean from the Department of Custom, isn't? So, now we are clear that the RM19.4 billion yang— the figure used by the Menteri Kewangan after the RM18 billion something, he used in Parliament*. So, tidak lengkaplah— *it is not the figure exactly but based on your experience and all those because there are some figure that are still under investigations*. So, tetapi *based on pengalaman you kata— so that, 19.4 was the figure that you come out with*. So, itu yang digunakan oleh Menteri Kewangan *because initially used in Parliament was RM18 billion something*.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Tuan Pengerusi, *can I just explain sebab I think apa-apa tuntutan yang dibuat oleh syarikat, kecuali Kastam ada alasan kukuh. We cannot say that syarikat tidak layak ya. So, based on good faith, the total claim up to 31st May seperti yang saya keluarkan dalam kenyataan adalah 19.4. Internally we have a process di mana Bahagian GST akan kemukakan tuntutan kepada AG for that amount. We have to report to them what is the filing, okay. [Disampuk] For the full amount. Okay. Whether it was payable or whether under investigation or audit, it's a different matter, ya. We requested to AG but...*

Tuan Wong Kah Woh: *So, Custom did request to AG? Ada...*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: AG ya. Bila saya kata AG, AG ini ialah kita ada seorang Ketua Akauntan *in Custom, staff from AG lah ya, Puan Hatimah. She is the one jaga duit ya, pegang in other words but, money all transferred electronically. Custom tidak pegang duit pun. Kita pungut semua masuk CF, kemudian tabung bayaran balik pula handled by AG, of course kita perlu maklumkan. Data-data kita kepada Puan Hatimah, Ketua Akauntan itu ada. The RM19.4 bilion itu based on that amount, okey. Akan tetapi dalam mesyuarat bulanan, government may has their own basis ya, which is good to pay. Macam ada carta pie itu yang mana sudah clear fully, yang itulah yang diutamakan. So, over the years benda itu adalah sedikit accumulation, ya. That is the story.*

Tuan Pengerusi: *I am not saying that it is wrong to put the figure as RM19.4 billion because now I understand it is within your SOP, the way you come out with the figure. So, you take everything, all the claims in good faith. So that, this is how you come out with the figure RM19.4 billion. We understand. But probably, for the PAC you can give us the latest paid up until 31st August probably, you know. Semua tuntutan-tuntutan, status tuntutan sehingga 31 Ogos untuk— sekarang ini yang Mei ini kan? This one is May. Probably until the latest, sehingga latest, sehingga 5 September. You have the...*

Tuan Wong Chen: September ada bayaran juga?

Tuan Pengerusi: Ada tidak?

Tuan Wong Chen: Tuntutan? Oh!

Tuan Pengerusi: Sehingga September?

■1150

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Okey, baki Yang Berhormat ya. Tuan Pengerusi, baki sehingga 5 September tuntutan yang belum kita bayar 24.13.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: 24...?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Poin satu tiga.

Seorang Ahli: *It is not 19 anymore, changing.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Billion?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Billion.

Seorang Ahli: 24...?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Poin satu tiga.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: *Number* sebab kita ada penyata terakhir ini. Kemungkinan penyata terakhir sehingga Disember nanti, so kita jangka ada lagi tuntutan. Tuntutan sebab dari segi *bad debt* dan sebagainya. Kita akan lihatlah sampai Disember nanti kemungkinan akan naik lagilah. Itu sahaja.

Puan Hatimah binti Hamid: Yang Berhormat, yang tadi kita sudah ada data. Untuk yang Jun kita buat bayaran— jumlah bayaran yang kita buat adalah RM2.1 bilion. Untuk Julai kita ada RM264,000.

Tuan Wong Chen: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hatimah binti Hamid: Oleh sebab kita tidak ada pindahan pada masa itu untuk peruntukan. Kumpulan Wang ini macam peruntukanlah, macam VOT kita sekaranglah. So, tiada wang kita ada *checking* tadi. So, bajet kena ada untuk proses baucar, itu proseslah ya.

Tuan Wong Chen: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hatimah binti Hamid: RM264,000.

Tuan Wong Chen: Ogos?

Puan Hatimah binti Hamid: Ogos RM114 juta.

Tuan Wong Chen: RM114 juta sahaja?

Puan Hatimah binti Hamid: Ya. *Then*, September kita ada RM22 juta. Terkini baki kita, berapa?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Puan Hatimah binti Hamid: Ini *accounting figure* ini. Apa yang ditunjuk tadi adalah berdasarkan *filing*. Ini *filing* ini adalah berdasarkan— mohon izin Tuan Pengerusi, saya akauntan untuk JKDM. So, saya adalah berfungsi sebagai JKDM. So, proses berasaskan sumber kuasa kita adalah berdasarkan surat ikatan. Surat Ikatan Amanah itu adalah sumber kuasa untuk kita bagi menubuhkan Tabung. So, apa-apa bayaran yang dilaksanakan adalah berdasarkan baki yang ada dalam Tabung semasa. So, suka saya hendak *highlight* tadi contoh tahun 2015, kita ada nilai tuntutan 0.6. *Which is* apabila kita tengok baki kewangan tabung kita tadi ada— berapa ya, *page* berapa tadi? Kita ada RM2 bilion. Itu adalah proses akauntanlah. Apabila ada penutupan akaun, proses baucar, so verifikasi yang Dato' Sri KP *highlight* tadi 0.6 adalah umur dia. *It's aging filing* orang itu sudah masuk dalam sistem. *But it can be* pada tahun 2018, mereka *update*. *Update key in* dan *update* simpan. So, sistem akan *trigger* tahun itu adalah semasa.

So, pada *accounting* ini adalah barulah ya. Walaupun *you* punya *year you* nampak adalah tiga tahun tetapi ini adalah baru. Oleh sebab tadi kita kata RM2 bilion, kenapa kita tidak bayar sedangkan duit kita RM2 bilion? Cuba tengok yang *opening* tadi ya. Saya hendak *explain* yang baki tadi, yang *last page*. Oleh sebab kita hendak *fill*-kan macam mana kita punya tadi kan. Duit kita ada tetapi kenapa kita tidak bayar? So, tahun 2015 kita ada baki RM2.2 bilion, banyak itu kan RM2.2 bilion. Kenapa kita tidak bayar tadi? *Because of the process* yang Dato' Sri *highlight* tadi, verifikasi semua itulah.

Then, apabila tahun 2017, kita nampak *public* dia punya peluang tadi, *fraud* tadi kita ada RM26 juta tadi. Apabila berlaku itu, akauntanlah biasa yang akan memaklumkan supaya verifikasi itu mesti diperketatkan kita panggil *terms* sebab akauntan dia akan— *key* dia adalah ketepatan bayaran dan kesahihan data.

Okey, pada tahun 2016 kita ada baki yang *carry forward* tadi RM300 juta. So, dalam yang sebelum itu kita nampak tadi verifikasi kita *ongoing*. Oleh sebab itu apabila kita tengok tadi adalah profil dia, macam dia *submit*-lah, macam kita LHDN, kita ada profil banyak. Apabila dia hendak bersara, dia akan *stuck*. Kita akan pergi balik, *refile* balik. Proses untuk *gentec* ini GST adalah sama jugalah dengan fail kita tadi. Oleh sebab itu apabila RM19.4 bilion tadi, apabila kita kata *cleared to be paid*, maksudnya telah *ready*-lah untuk dibayar tadi RM1.5 bilion. Sebenarnya RM1.5 bilion itu sudah *done*, sudah dibuat bayaran pun pada bulan Jun.

Then, tadi Dato' Sri ada *highlight* sebab sistem kita masih lagi aktif walaupun kita laksanakan...

Seorang Ahli: SST.

Puan Hatimah binti Hamid: SST. Sistem kita benarkan lagi *registrant* yang 476,000 itu untuk *keep update* lagi. So, ia akan— mungkin *fraud* tadi meningkatlah sebab dia kata semua orang telah melihat kepada SST. So, dia hendak *try luck*. Macam kes ayam ini adalah *registrant* yang *try luck*. So, kami kalau akauntan kita akan melihat balik kesahihan dan ketepatan data tadi. So, kita sudah *increase* RM24 bilion. So, nanti ada orang *question* kenapa sudah *keep increase* sedangkan sekarang ini adalah *tax holiday*-lah. Inilah yang *magic*, kerja yang audit luar tadi akan main peranan sama ada kita akan *collect* lebih lagi ABT kita ataupun untuk kita buat bayaranlah. Itulah komen saya dari segi proses. Akan tetapi sebenarnya untuk tambahan, proses adalah *ongoing*. Kita ada selepas— pertama sekali, Surat Ikatan Amanah adalah sumber kuasa. Sumber kuasa untuk semua melaksanakan apa-apa bayaran. Daripada Surat Ikatan Amanah itu, kehendak ia adalah empat kali, *quarterly* ya. Empat kali setahun bermesyuarat tetapi mengambil kira perkara baharu— telah bermesyuarat setiap bulanan.

Oleh sebab kita hendak tengok proses tadi, *revenue* dan juga kita ada dua KPI. Satu *revenue*, satu lagi bayaran balik GST. Ada duit, kita boleh bayar. Oleh sebab itu kedua, faktor yang awal bulan tadi, apabila trend tadi awal bulan walaupun setiap 30 hari bulan, *registrant* dikehendaki untuk membuat bayaran pada awal *first week* barulah duit itu akan berduyun-duyun masuklah ya. *First week normally seven*— sehingga 7 hari bulan. Masa itu bila *accounting* dia akan tengok, bila hendak buat pindahan *of course* kena *plus* keadaan yang positif baru kita buat pindahan. So, apabila *plus* itu *second week* kita akan buat pindahanlah. Itu yang tadi berdasarkan *cash flow*, iaitu proses. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, kita ada seorang akauntan dalam kumpulan ini Yang Berhormat Tebrau.

Puan Hatimah binti Hamid: Ya.

Tuan Pengerusi: *Do you have anything* Yang Berhormat Tebrau?

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: *No, no.*

Tuan Wong Chen: *Can I ask the lady just now? You boleh ya? What is the fraud rate?* Berapa peratus? Lebih kuranglah, *estimate*. Anggaran.

Puan Hatimah binti Hamid: Itu ia bukan di bawah bidang saya. Itu adalah di bawah *risk*, *other unit risk* di bawah JKDM. Saya menguruskan perakaunan.

Tuan Wong Chen: *Is there any person here or anybody* boleh *answer* dua peratuskah, lima peratuskah atau 10 peratus?

Tuan Pengerusi: *Now summaries.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang Berhormat, macam saya kata tadi *if we look at the big picture, in terms of the percentage very small. Okay, most of the big claims are made by...*

Seorang Ahli: *Corporation.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Corporations, big corporations, major exporters. I don't have the numbers but...*

Tuan Pengerusi: *But ayam, how do you consider the ayam? Big or small?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *You know, if you look at bigger picture, small. Akan tetapi kalau look at— for him it is big...*

Tuan Pengerusi: *It is quite big.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Ya, RM26 million. Jadi bergantung kepada how you look at it, Yang Berhormat. Jadi saya tidak mahu cakap kecil atau besar. Akan tetapi most of the claims are good claims as we paid seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. We cannot judge you know, saying claim ini not valid ataupun subject to— it has to be there ya. It is unfair kalau kita kata— you know, all the claims are subject to verification. Most of the claims are valid claims. Itu sahaja saya boleh katakan, Yang Berhormat.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Boleh saya tambah? Ini kerana *you* kata *most of the claims are valid claims*. Ini kerana banyak pelanggan saya dalam keadaan macam ini sudah melebihi RM1 juta punya bayaran balik, melebihi setahun belum bayar balik. Akan tetapi dia yang maklum kepada saya, semua sudah siap audit dari pihak Kastam tetapi belum bayar balik. Jadi sekarang punya, *you* masih ada dalam lima peratus, *RM9.6 billion* punya dalam semakan. Adakah ini sudah habis atau belum habis lagi? Kalau saya guna pelanggan saya, saya buat sebagai *extrapolation*, kemungkinan kebanyakan sudah siap. Cuma *you* tidak ada duit untuk bayar balik sahaja, betul?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya Yang Berhormat. Itulah lebih kurang begitulah. Saya hendak beritahu, proses *refund* itu mengambil masa kira-kira tiga hingga empat bulan. So, *amount refund claim* dalam tempoh empat bulan ini adalah hampir RM8 bilion. Setiap bulan *on the average is about RM2 billion*. Dato' Maher, *refund*?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: *Refund is RM2 billion.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya, *about RM2 billion per month.*

■1200

So, before we could even pay out at any one time, the float it will be RM8 billion hanging there, which is basically most of the claims are the good claims-lah. Cuma masalah cashflow tadi

dan juga *the process* kerja. Proses kerja kita pun tidak boleh minta terus *based on claim* kepada *Treasury*, mesyuarat bulanan sebab kita kena tunggu *quarterly filing comes in*. Itu yang kadang-kadang kelewatan berlaku, *to be fair to* Kementerian Kewanganlah. Oleh sebab itu Kastam—*internally* kita ada *based on claim* berapa, hantar kepada Akauntan tetapi dalam mesyuarat bulanan yang diminta ialah *those really has been cleared*. So itu sahaja kenyataan.

Tuan Wong Chen: *Can I just— if you agree okay. I think the Minister of Finance RM19.4 billion is plus minus two percent lah for fraud lah, right or not?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya.

Tuan Wong Chen: *So that's the testimony that you give today the RM19.4 billion is plus minus two percent. That's not a lot variation, that is your position, is that right?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya, *more less* ya.

Tuan Pengerusi: Okey. Sehingga Mei, bagaimana penilaian Kastam tentang isu bayar balik ini yang dibuat oleh Kewangan? *How do you rate* sama ada terlalu tidak dalam jangkaan Kastam ataupun *how do you rate them* dari segi pembayaran? *How do you rate the* pembayaran dari segi pembayaran? Bayaran balik.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Bagi kita Tuan Pengerusi kalau *whole average* sendiri mengambil masa dua bulan, *that is most of the country* sudah lama GST atau VAT mereka sudah bertapak bertahun-tahun. Kita baru usianya tiga tahun *and in terms of percentage, I think we have paid RM63.5 billion out of RM82.9 billion. Probably how many percent is that? 80 percent? So, what I am saying is this. It's not too bad because* macam saya kata tadi *at any one time, the float because of the process takes about three to four months and that would at accumulate RM8 billion* sudah.

At any one point of time lah. So quite unfair to say but having said that the bigger question is, *it is the company's money* lah. So, the question is *that's why Custom requested the money*.

Tuan Pengerusi: Ya, *but you are saying that, I mean my questions how do you rate?* Bagaimana *you* nilai dari segi proses pembayaran 2015 hingga Mei 2018 itu? Pembayaran balik.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Tuan Pengerusi, 2015...

Tuan Pengerusi: Menteri Kewangan ada sebut bahawa ada *some cases* yang daripada tahun 2015 tidak dibayar dia kata, *three years. What do you have to say on that one?*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Fasal kalau 2015 tidak bayar hingga sekarang, *not within that the range of 14 days, four months* you know ya.

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Kita secara umum pembayaran balik pada tahun 2015 mungkin pada peringkat awal pelaksanaan sedikit lambat sikitlah tetapi kita cuba *pick up* beberapa ini, menggunakan pegawai-pegawai baru seperti mana saya terangkan tadi. Kemudian momentum itu kita sudah ada sehingga berlaku kes penipuan ayam, momentum kita semakin lebih kita berhati-hati dan kes *handphone* dan sebagainya. Jadi kita berhati-hati, agak *slow* sedikit. Dahulu memang kita macam kita bagi satu kepercayaan kepada pihak industri, 2015.

Kalau ikut peratus itu kita pernah mencapai sampai ke 70 peratus ke 80 peratus dan pembayaran 14 hari bekerja tetapi momentum itu semakin berkurang setelah berlaku kes-kes macam ini dan semakin. Dahulu juga peringkat awal ini momentum dia sebab tempoh masa yang kita perlu semak itu pendek. Makna tahun 2015 kita cuma periksa kata dia tuntutan bulan Jun, kita semak rekod dia daripada April, Mei dan Jun, tiga bulan. Akan tetapi apabila tuntutan itu dibuat pada tahun 2017, kita bukan semak pada tahun 2017, kita tengok trend dia daripada dahulu sampai sekarang.

Jadi proses ini panjang. Jadi momentum kita itu agak lambat sedikit sebab kita hendak semak semua kenapa *you* punya graf menurun, dulu *you* beli, *acquisition* RM1 bilion tiba-tiba sekarang sudah naik RM10 bilion. Jadi banyak persoalan-persoalan yang perlu dijawab. *Sale you* kenapa *drop*, kenapa, kenapa, kenapa itu. Jadi proses itu agak panjang. Rekod yang kita semak itu sudah *backward*, sudah ke belakang itu agak banyak. Momentum itu tetapi sampai tahun 2016, 2017 kita berhati-hati dan sampai tahun 2018 kecuali pada hujung tahun. Hujung tahun ini momentum kita sebagaimana disebut tadi dari segi pembayaran. Hujung dan awal tahun, ini agak *slow*.

Selepas itu apabila kita sudah dapat peruntukan ini, momentum kita okey. Cuma kenapa tahun 2015, 2016 tidak bayar yang kita ada *ageing* ini. Satu seperti mana pindaan penyata baru dibuat. Ada pindaan-pindaan penyata dibuat pada tahun 2018, jadi memanglah kita kena semak sekali lagi, kita tidak bayar. Satu lagi yang pentingnya sebab syarikat-syarikat...

Tuan Pengerusi: *Not purposely* tidak dibayar? Ia masih dalam siasatanlah kalau macam itu?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Mana yang kita sudah lulus kita sudah semak, semua sudah kita bayar. Tidak ada, kes selesai. Cuma yang kes-kes yang baru dipinda penyata ataupun syarikat-syarikat yang tidak ada buat pembekalan contoh saya bagi RAPID Pengerang. Syarikat RAPID ini dia cuma *claim* daripada tahun 2015 tetapi dia tidak buat output lagi. Kita kata...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: ...Tak palsu. Dia tidak palsu. Kita sudah buat semakan audit, okey kita kata sebab itu melalui proses semakan. Walaupun dia sudah tuntutan tahun 2015 kita semak dia, kita berjanji akan bayar Mei 2018 setelah melalui proses-proses semakan sebab kita takut syarikat-syarikat ini tidak ada output, tidak apa, *claim* sahaja betul tidak betul, kita melalui proses semakan audit dan sebagainya. Jadi kita sudah berjanji, kita sudah bincang dengan Timbalan Ketua Setiausaha semua dan kita akan bayar.

Jadi kalau kita lihat data ini memang tahun 2015 kita tidak bayar tetapi syarikat ini ada isu sebab syarikat tidak ada *supply*. Syarikat ini sebenarnya pada peringkat awal pun mungkin tidak perlu masuk dalam sistem, tidak perlu daftar GST pun tetapi kita masukkan dia...

Tuan Pengerusi: Maksudnya bukan niat kerajaanlah, bukan niat kerajaan tidak bayar.

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Bukan, sebab itu syarikat...

Tuan Pengerusi: Ada isu yang sedang dalam penyiasatan.

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Oleh sebab itu pada peringkat awal tidak ada isu...

Tuan Pengerusi: Oleh sebab itu berlaku ada kes 2015 yang tidak dibayar.

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Ya.

Tuan Pengerusi: Itu yang perlu dijelaskan itu ya. Okey.

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Ya. Oleh sebab itu peringkat awal Tuan Pengerusi tidak ada isu tidak bayar sebab syarikat-syarikat yang terlibat ini faham situasi mereka. Kita tidak bayar sebab *you* tidak buat pembekalan dan sebagainya dan kita...

Tuan Pengerusi: Maksudnya syarikat faham?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Faham masa itu. Kemudian ini ada bercampurlah yang adapun kita...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tidak ada laporan apa-apa pun sebelum ini. Tidak ada laporan pun.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang Berhormat, dia begini. Undang-undang membenarkan mana-mana syarikat untuk membuat tuntutan sehingga enam tahun. Bermakna kalau dia masih ada lagi yang belum dituntut pada tahun 2015, hari ini pun dia boleh menuntut.

Tuan Pengerusi: Itu berapa *percent* itu? *I mean* berapa banyak kes 2015 yang dituntut bukan tahun 2015?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Itu kena semak Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Itu kena semak. *Because if that is that statement* maksudnya ada kes tuntutan itu bukan 2015 dia menuntut, dia menuntut 2017, 2018 tetapi berdasarkan kepada rebat yang mereka *entitle 2015*. *I mean you allow that to happen, isn't it?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya, cuma sistem *will trigger...*

Tuan Pengerusi: *Are there many cases like that? I mean, can you give us some example of cases like that.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya, kita akan— ada contoh-contoh Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya. *Because* kenyataan dia sekarang kerajaan tidak bayar tuntutan yang berlanjutan sehingga bermula daripada 2015. *That statement. So, you are here to clarify that statement. You have to clarify that statement.* Maksudnya satu yang kita jelas sekarang kerana ada dalam siasatan. Kedua, syarikat-syarikat terlibat yang menuntut dari tahun-tahun tidak dibayar ini mereka faham tentang perjalanan dan siasatan yang sedang dibuat oleh Kastam. *That was a statement. The third one from what I understand, I picked up from your explanations,* ada tuntutan yang dibenarkan dibuat bukan tahun 2015 tetapi *after 2017, they can still claim 2015. That was the three issue, the three statement that you are clarifying to us today.*

So, yang last sekali itu makna kalau ada contoh tuntutan 2017 yang menuntut untuk tahun 2015 ataupun tahun sebelum tuntutan dibuat. Nanti bagi dengan kita. Tidak apa, hari ini kalau tidak dapat hari ini bagi kita nanti, *we will include that one in the report.*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Tuan Pengerusi, saya cuma hendak cuba faham lagi. Sebab seperti yang diberitahu yang baru sekarang ini maksudnya *latest number is around RM24.13 billion.* Maksudnya benda itu *accumulate* ataupun terus terkumpul dan terkumpul.

■1210

Jadi yang Dato' Sri sebutkan tadi, contohnya sepatutnya tuntutan untuk tahun 2015 dia *claim* kemudian, 2016, 2017, mungkin dia *claim* tahun 2018 dalam tempoh enam tahun. Jadi, cuma hendak *clarify* sebab Kastam juga terikat dengan *cash flow*. Contohnya kalau bulan itu kutipan sebanyak itu, jadi yang dipohon adalah tidak boleh lebih. Saya digambarkan seolah-olah kalau bulan itu kita kutip RM2 bilion, apa-apa yang kita tuntutan tidak boleh lebih daripada RM2 bilion. *So,* benda ini akan *accumulate* dan *accumulate* dan *accumulate* sebab dia lewat dituntut dan juga dengan masalah-masalah proses semakan, *investigation* dan sebagainya.

Jadi sekarang ini, maksudnya bila kita ada satu peringkat yang mana GST ini kita hentikan dan kita semak balik semua, yang itu yang mungkin sekarang ini kita nampak ada amaun yang besar RM19.4 bilion dan sekarang RM21 bilion yang dituntut tetapi masih belum dibayar balik dengan proses yang kumpulan satu sampai lima tadi. Jadi, cuma pertanyaan saya bila masih ada tuntutan yang masuk. Contohnya bulan Jun, Kastam berjaya dapatkan balik RM2.1 bilion. Akan

tetapi, berapa banyak yang Kastam tuntutan daripada akauntan dan yang kita dapat balik itu RM2.1 bilion. Kemudian Julai, RM264,000 dan sebagainya.

Jadi persoalan saya, dalam proses ini memang akan ada tuntutan yang kita hendak kena mohon. Cuma pertama, adakah Kastam telah maklumkan kepada akauntan asas ataupun amaun tersebut? RM24 bilion ini, pihak akauntan tahu atau tidak anggaran yang akan diminta daripada pihak Kastam untuk bayar balik *refund* tadi? Kedua, dari segi— maksudnya sebab sekarang kutipan itu sudah tidak ada. Jadi, macam mana proses selepas ini kalau Kastam *submit* lagi, macam mana kita hendak buat *refund* kalau maksudnya dari segi *cash flow* tersebut?

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: RM24 bilion itu tidak di-*verify* lagi. Kita pun hari ini baru tahu kata RM24 bilion. *[Disampuk] It is RM19 billion something at the moment, yes. The last cash flow meeting, RM19.4 billion and yang jumlah yang dipohon oleh Kastam the latest ialah RM1.38 bilion. Itu sahaja.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Terakhir... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* 68 peratus yang kita dapat dan kita bayar balik 32 peratus. Kalau kita sudah bayar balik 61.53, *this is the real amount* ya? Akan tetapi *on top of this, we have another RM24 billion* yang tertunggak. Betul?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Berapa?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: 19.4.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: 19, bukan. *Up to now.*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: *Up to* kalau kita— yang Yang Berhormat...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: 19.4 or 24?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: *Up to now 20* tadi. Akan tetapi Yang Berhormat *figure* baca tadi ini *is up to May. Up to May* ini yang kita sudah bayar balik 61.53...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tadi yang RM24 bilion itu apa dia?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: RM24 bilion kedudukan sehingga 5 September.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Yang tertunggak lagilah?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Yang tertunggak.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kalau kita campur RM24 bilion, kita campurkan dengan 61, makna kita ada 85, RM85 bilion. *Our total collection is 191. 85 of 191, is it so?*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Kita kena campur lagi untuk *collection* bulan— Selepas ini pun ada lagi *collection*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kita punya *total collection* 191. Betul?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang Berhormat, *collection* ini sampai 31 Mei sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: 31 Mei?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Jun, Julai, Ogos...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Belum masuk lagi?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Belum masuk. Itu *actually quite* banyak juga.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Jun, Julai itu...

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Walaupun sudah *tax holiday*, tetapi *filling period* tadi, yang Mei punya dia akan fail di Jun...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Untuk April, Mei masih lagi...

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang *quarterly* dia akan fail ini, so...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Jadi maknanya peratusan itu *still maintain at 32 percent*?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Tak jauhlah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: 35 *percent*-lah. Okey, faham.

Tuan Wong Kah Woh: Dato' Sri, saya rujuk balik kepada slaid. Slaid yang kedua selepas muka surat pertama. Kita balik kepada kuasa yang di bawah peruntukan undang-undang, 54(2) menyatakan bahawa kesemua wang yang dikutip hendaklah dibayar masuk ke dalam Kumpulan Wang bayaran balik. *That is 54(2)*. Peruntukan 54(5) memberi kuasa kepada Menteri untuk memberi kuasa pembayaran itu ke dalam Akaun Hasil Disatukan. So, persoalan saya adalah ada apa-apa dokumen yang menunjukkan bahawa Menteri telah menjalankan kuasa tersebut? *Whether any of the minutes or the regulation made by the Minister or the direction by the Minister*, ada tidak? *The written direction*.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang Berhormat, kami tidak dimaklumkan *and* kami pun tidak tahu sebab kami jarang-jarang berurusan dengan Menteri. Jadi, soalan ini mungkin boleh diajukan kepada Kementerian Kewangan.

Tuan Wong Kah Woh: Itu nombor satu. Kedua, berkenaan dengan 35 *percent* yang kita telah bincang untuk satu pagi ini. Kita sekian maklum dalam tahun 2017, *like presenter just now*, *we have a lot of projects, big projects* yang mana mendapat pelepasan cukai. Kita juga ada item-item yang mana cukai dia *zero-rated*. So sama ada setelah adanya situasi sebegitu, sama ada Kastam atau mana-mana pihak, akauntankah, ada membangkitkan dalam mesyuarat bulanan supaya 35 peratus itu boleh ditingkatkan? Ada pernah bangkitkan atau tidak?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Kita pernah bangkitkan isu tuntutan yang semakin naiklah. Pernah dibangkitkan dalam mesyuarat bulanan. Oleh sebab itulah pengerusi ketika itu mengarahkan satu siasatan dibuat ataupun mengarahkan pihak audit untuk melihat kenapa tiba-tiba berlaku kenaikan dan sudah pun ada *findings*. *I think* pihak Jabatan Audit Negara telah membuat laporan mengenainya.

Tuan Pengerusi: Ya, ada lagi pertanyaan soalan? Habis? Habis sudah? Saya tengok tiada lagi soalan-soalan yang ingin dikemukakan. Ada apa-apa lagi tambahan yang *you should arise*? Tidak ada? Okey. Pendengaran ini berakhir di sini untuk jabatan ini. Seperti yang saya maklumkan tadi, kita akan— lanjutan selepas ini adalah Kementerian Kewangan dan beberapa individu lagi yang akan dipanggil. So untuk Jabatan Kastam, Ketua Pengarah, terima kasih banyak-banyak kerana sudi hadir dan jabatan-jabatan di bawah Kastam yang telah memberi penjelasan kepada kita tentang perjalanan isu yang sedang kami siasat ini.

Jadi, saya bagi pihak PAC dan pihak Parlimen Malaysia ingin merakamkan ucapan setinggi terima kasih dan penghargaan atas kerjasama yang telah diberikan oleh Jabatan Kastam dan kehadiran Yang Berbahagia Dato' Sri sendiri dalam pendengaran ini amat kami hargai. Sekali lagi kami rakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih. Terima kasih.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Tuan Pengerusi, terima kasih banyak-banyak dari pihak kami juga.

Tuan Pengerusi: Ya. Sudah habis sudah? Okey.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Tuan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan semua *Members of the PAC*, terima kasih kerana diberi peluang untuk menjelaskan keadaan sebenar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya baru dibisikkan oleh kakitangan Sekretariat PAC, ada *lunch* disediakan di Bilik Jamuan seperti biasa.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.20 tengah hari]